

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	8/9/2011

Kenyataan Mat Sabu dedah niat sebenar Pas

MELAKA 7 Sept. - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, lebih banyak Timbalan Presiden Pas, Mohamad Sabu atau Mat Sabu mengeluarkan kenyataan berhubung isu pejuang kemerdekaan negara, ia hanya akan mendedahkan niat dan maksud sebenar perjuangan parti itu.

Sehubungan itu katanya, adalah lebih baik semua pihak membiarkan sahaja Mat Sabu mengeluarkan kenyataan berkaitan kerana melaluinya, rakyat boleh menilai pembongkaran dan niat sebenar yang sudah lama dipraktikkan oleh Pas.

"Apabila beliau cakap banyak, baru kita tahu apa dalam lubuk hatinya yang sebenar, mendedahkan apa yang sebenarnya dalam pemikiran mereka dan biar rakyat tahu pembongkaran mereka ini.

"Mat Sabu berani buat kenyataan sedemikian kerana dia mahu nampak berkuasa sedikit iaitu dengan menidakkan perjuangan Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak dan Datuk Onn Jaafar sebagai pejuang negara," katanya kepada pemberita pada majlis *Ilmu Wacana Pemikiran Bersama Tun Dr. Mahathir* anjuran Pertubuhan Melayu Insaf Kreatif Malaysia (Pemimpin) di sini hari ini.

Kira-kira 1,500 orang terdiri daripada ahli politik, pelajar institusi pengajian tinggi (BPT), wakil agensi kerajaan, swasta dan pelajar me-



DR. Mahathir Mohamad dilirangi Mohd. Ali Rustam menyempahkan sumbangan duit raya kepada bekas tentera dan polis di Melaka. semalam. - UTUSAN/ GAIE UCHEL

nyertai majlis itu yang dianjurkan bersama Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (Iksep).

Turut hadir Yang Dipertua negeri, Tun Mohd. Khalil; Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam

dan Pengerusi Eksekutif Pemimpin, Tan Sri Dr. Ibrahim Abu Shah. Dr. Mahathir berkata, kini ter-

putang kepada bekas polis dan tentera untuk menilai sendiri perjuangan dan niat Mat Sabu serta pemimpin pembangkang lain berhubung isu yang ditimbulkan.

"Saya tidak peduli apa dia cakap, hakikatnya memperjuangkan kemerdekaan negara bukan Chin Peng, bukan komunis tetapi Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak dan Datuk Onn Jaafar, mereka adalah pejuang negara," katanya.

Kata beliau, kini terputang kepada kerajaan dan pihak berkuasa untuk mengenakan tindakan yang sesuai ke atas Mat Sabu ekoran kenyataannya bahawa pengganas komunis wira sebenar dalam tragedi Bukit Kepong.

Sementara itu ketika menyampaikan ucapan pada majlis tersebut, Dr. Mahathir berkata, tiada siapa pun di negara ini yang layak untuk mempertikaikan perjuangan Tunku Abdul Rahman dalam mencapai kemerdekaan negara.

"Namun baru-baru ini, ada orang kata bahawa ia bukan perjuangan sebenar.

"Jadi, orang itu pergilah duduk negara komunis, jadi rakyat negara itu sampai 10 tahun. Mat Sabu kalau cakap banyak di negara komunis, boleh masuk 'dalam' tetapi di negara ini, dia bebas bercakap kerana kita memberi kebebasan tersebut kepada beliau," katanya.